

Tak kisah dilabel banyak cakap

Selain minat bercampur bersama masyarakat, Ibrahim puas dapat bantu komuniti yang didekati

Memilih bidang kemasyarakatan sebagai kerjaya bukanlah perkara mudah, sebaliknya banyak cabaran perlu dihadapi dalam pelbagai aspek.

Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Langat, Ibrahim Abdullah berkata, minatnya yang mendalam bercampur dengan masyarakat menjadikan beliau mudah mesra dengan sesiap sahaja.

Menurutnya, beliau tidak kisah dilabel banyak cakap kerana rasa puas apabila dapat membantu sesebuah komuniti yang didekati.

"Saya sentiasa guna pengalaman lepas sepanjang bekerja untuk berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat.

"Setiap teguran yang pernah diterima dalam kerjaya, saya anggap ia sebagai perkongsian ilmu. Bagi saya untuk menayakan sesuatu program, perbincangan dan pandangan semua peringkat perlu dipertimbang," katanya.

Kerja pelbagai bidang pengalaman berharga

Menyentuh kenangan manis yang tidak dapat dilupakan, Ibrahim berkata, ia terlalu banyak.

Tetapi baginya, mendapat peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang sepanjang hidupnya adalah pengalaman yang sangat berharga.

Menurutnya, beliau pernah menjadi Ketua Pemuda cawangan salah satu parti politik kerajaan sejak se-



IBRAHIM

Personaliti
KUALA LANGAT

kitar 1986 sebelum melanjutkan pengajian jarak jauh di Universiti Teknologi Mara Shah Alam dari 1996 hingga 2001.

"Masa tu memang tak pernah terfikir akan berkhidmat di pejabat Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPIN) sehinggalah dipanggil menjadi Pegawai Perpaduan Daerah di Gombak dari 2002 hingga 2006, kemudian sebagai Penolong Pengarah Pembangunan Komuniti di Putrajaya pada 2006.

"Selepas itu, saya berkhidmat di Jabatan Perpaduan Wilayah Kuala Lumpur dari 2007 sehingga 2010, kemudian menjadi Ketua Unit 1Malaysia di Putrajaya dan berkhidmat di Hulu Selangor sebagai Pegawai Perpaduan Daerah sebelum ditempatkan di Kuala Langat.

"Bagi saya per-



Ibrahim menerima kunjungan ahli jawatankuasa penyalaras di pejabatnya.

khidmat dalam JPIN inilah memberi kenangan manis untuk terus berbakti kepada masyarakat," katanya.

Wanita maut depan mata

Meskipun sudah lama berkhidmat dengan JPIN, tiada kenangan pahit yang dilalui, kecuali ketika beliau mula berkhidmat sebagai Juruteknik Rendah di Keretapi Tanah Melayu Padang

jauh dari 1987 hingga 1992.

Anak jati Kampung Budu, Kuala Lipis, Pahang, itu sebak apabila menceritakan satu tragedi ngeri ketika beliau dan rakan-rakan sedang menjalankan kerja pemeriksaan kereta api, apabila tiba-tiba seorang wanita berumur 20-an maut dilanggar kenderaan yang diperiksa.

"Mungkin dia tak sangka akan terkena kereta api yang akan lalu. Difahamkan mangsa meninggal dunia ketika dalam perjalanan ke hospital," katanya.

Wujudkan perpaduan dalam komuniti

Antara peranan beliau dalam JPIN adalah mengajak masyarakat mewujudkan perpaduan dalam komuniti.

Jelasnya, kewujudan Rukun Tetangga (RT) antara mekanisme untuk memupuk perpaduan di taman perumahan dan desa.

"Ahli jawatankuasa RT adalah mata dan telinga kerajaan untuk mengenal pasti sebarang ketegangan pada peringkat awal lagi," katanya.

Sehingga kini, JPIN Kuala Langat mempunyai 52 RT, 12 skim Rondaan Sukarela, 16 Tabika Perpaduan dan sebuah Taska Permata.

Pihaknya menasaskan 60 RT pada tahun ini dan pada masa sama turut mempunyai Mediator Komuniti dan ahli jawatankuasa penyalaras membantu JPIN dalam menayakan program yang dirancang.

"Harapan saya masyarakat di taman perumahan baru atau lama dan kampung yang mempunyai penduduk melebihi 2,000 orang dapat menubuhkan RT kerana apabila ia diluluskan pihak atasan, geran berupa wang berjumlah RM16,000 dapat disalurkan kepada RT berkenaan," katanya.



Ibrahim bersama warga Rukun Tetangga Taman Kemuning pada Program Gotong-Royong Menegajah Denggi.

BIODATA

Nama: Ibrahim Abdullah
Umur: 59 tahun
Jawatan: Pegawai Perpaduan Daerah Kuala Langat
Asal: Kampung Budu, Kuala Lipis, Pahang
Status: Berkahwin

Pendidikan:
-Diploma Pentadbiran Awam, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam
-Pelajar Sains Politik, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang